

Headline	Memperkasakan masa depan Mabbim-Mastera
Date	01. May 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	24
Article Size	960 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Memperkasakan masa depan Mabbim-Mastera

Oleh AZMAN ISMAIL

ADA pertanyaan klasik yang selalu muncul tentang bahasa dan sastera Melayu pada era globalisasi ini - apa yang boleh diharapkan daripada kedua-duanya untuk menjadi tiang ketamadunan dan intelektualisme di Nusantara?

Alasan yang sering dikemukakan adalah peranan bahasa dan sastera Melayu sangat kecil dalam perkembangan global jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa utama dunia seperti Inggeris, Perancis dan Sepanyol.

Mungkin pandangan oleh segelintir masyarakat itu berkait erat tingkat penggunaan bahasa asing istilah pinjaman di Nusantara yang kian tinggi dan tidak terkawal.

Mahu atau tidak, persatuan yang mewakili kepentingan negara-negara berbahasa Melayu serantau seperti Majlis Bahasa Melayu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (Mabbim) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) dituntut untuk menggandakan peranan mereka.

Baru-baru ini, bertempat Hotel Borobudur, Jakarta, Indonesia diadakan Seminar Bahasa dan Sastera Mabbim-Mastera sempena 35 tahun penubuhan Mabbim.

Seminar yang bertema *Memartabatkan Bahasa dan Sastera Nasional Dalam Upaya Meningkatkan Ketahanan Budaya Serumpun* dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Indonesia, Prof. Dr. Bambang Sudibyo.

Antara lain seminar tersebut bertujuan Meningkatkan peranan bahasa dan sastera Indonesia/Melayu dalam memantapkan jati diri bangsa.

Ia juga bertujuan memartabatkan bahasa dan sastera Indonesia/Melayu dalam memantapkan ketahanan budaya serumpun khususnya di negara-negara yang menggunakan bahasa tersebut.

Sebanyak 15 kertas kertas kerja mengenai bahasa dan sastera serantau dibentangkan oleh wakil dari Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura. Ucap tama disampaikan oleh Ketua Pusat Bahasa Indonesia, Dr. Dendy Sugono.

Seminar tersebut disertai oleh lebih 300 cendekiawan dari Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Jepun. Mereka terdiri daripada penggiat dan pakar sastera, bahasa dan juga bidang bukan sastera seperti perubatan, undang-undang, kejuruteraan, sains dan teknologi, perhutanan dan lain-lain.

Isu utama yang diangkat dalam seminar tersebut ialah tentang keutamaan bahasa Melayu dalam kegiatan harian, 'ancaman' bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa rojak

Headline **Memperkasakan masa depan Mabbim-Mastera**
Date **01. May 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**



BAMBANG Sudibyo menyampaikan Anugerah Sasterawan Kreatif Terbaik Negara Malaysia kepada Siti Jasmina Ibrahim sempena Seminar Mabbim-Mastera di Jakarta baru-baru ini.



HASSAN AHMAD



NOR FARIDAH ABDUL MANAF

dalam majlis rasmi, media elektronik dan di tempat umum.

Mereka melihat munculnya krisis bahasa Melayu di Nusantara hari ini banyak berkaitan dengan perubahan perilaku masyarakat yang disebabkan oleh faktor komunikasi global, sosiobudaya dan ekonomi.

Dendy Sugono dalam ucaptamanya menekankan supaya kekuatan bahasa Indonesia/Melayu serumpun terus diperkasakan, bukan sekadar di dalam ruang lingkup dunia sastera dan bahasa semata-mata.

Bidang-bidang lain juga memerlukan anjakan dalam penggunaan bahasa Melayu/Indonesia sebagai bahasa utama sama ada dalam bentuk pengajaran, penulisan serta

membudayakan keselesaan menggunakan bahasa tersebut.

"Pandangan sempit dengan mengatakan bahasa Melayu/Indonesia sebagai bahasa kelas kedua perlu dihapuskan terutama kepada generasi muda.

"Mabbim mesti terus berusaha mengembangkan bahasa dan Mastera juga perlu terus menjalankan peranan mengangkat sastera negara serumpun ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Pernakalah Indonesia, Dr. Sugiyono dari Pusat Bahasa Indonesia juga melihat potensi besar bahasa Melayu/Indonesia dalam arus globalisasi kerana bahasa itu kaya dengan kosa kata yang boleh dikembangkan sebagai bahasa utama

dunia.

Pengembangannya bukan hanya harus berkembang untuk maju bersama kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi tapi untuk mewadahi konsep lokal yang mengungguli budaya bangsa.

Hal senada turut dikemukakan oleh Dr. Azmi Abdullah dari Brunei yang melihat pertimbangan terhadap nilai bahasa Melayu tidak hanya mencakupi pengertian konsep memartabatkan bahasa kebangsaan secara umum saja.

"Ia seharusnya dikaitkan dengan upaya meningkatkan fungsi Mabbim dan Mastera bertujuan untuk 'ketahanan' budaya serumpun dengan pertimbangan yang berorientasikan konteks serantau," katanya.

Sementara itu dalam konteks kesusteraan, Azhar Ibrahim Alwee dari Majlis Bahasa Melayu Singapura berpendapat, budaya harus menjadi proaktif dan bukan defensif.

Budaya tidak boleh ditanggapi secara berasingan daripada fenomena sosial, politik dan ekonomi. Hakikatnya, budaya harus memberi nilai untuk menyanggah kepada apa jua bentuk dominasi.

"Di sinilah budaya serumpun berperanan menjana kesedaran kebudayaan yang lebih mengutamakan lingkungan setempat.

"Di sinilah letaknya para pemikir dan sasterawan serumpun menghasilkan karya sastera atau ilmiah supaya dapat menangkis dominasi dari luar.

Pendidikan budaya dan sastera kita harus menuju ke arah itu," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Yayasan Karyawan, Datuk Dr. Hassan Ahmad dalam kertas kerjanya menekankan kepada perlunya untuk menemukan semula kekuatan bahasa dan sastera kebangsaan di negara anggota Mabbim dalam upaya meningkatkan ketahanan budaya serumpun.

Beliau bertitik tolak daripada latar belakang sejarah bahasa dan sastera tiga negara bermula anggota Mabbim sejak abad ke-14 dan akhirnya menumbuhkan Angkatan Sasterawan 50 atau Asas 50 di Singapura.

Akar kesusteraan dalam bahasa Melayu kemudiannya dalam bahasa Melayu/Indonesia merupakan continuum sosiobudaya dan geografi sastera Melayu. Tradisi itu tidak dapat diputuskan oleh pecahan geografi-politik yang dilakukan oleh penjajah.

"Ada beberapa syarat bagaimana tradisi kita yang sudah tahan pelbagai cabaran zaman dapat terus kekal kuat. Kerajaan perlu pastikan bahasa Melayu terus menjadi alat utama pembangunan negara.

"Bahasa Melayu perlu menjadi bahasa

penting dalam bidang pendidikan tinggi, bidang kemajuan sains dan teknologi, bidang ekonomi dan perusahaan," ujarnya.

Sehubungan itu, Hassan Ahmad Budaya berkata, bahasa Melayu hendaklah menjadi teras pembangunan bangsa dan negara. Begitu juga sastera nasional perlu menjadi salah satu alat penting pembangunan bangsa dan negara.

Seorang lagi pembentang dari Malaysia, Prof. Emeritus Abdullah Hassan berkata, untuk memastikan bahasa Melayu dapat bersaing, daya kreativitinya perlu ditingkatkan sebagai satu wilayah.

"Era kreativ perlu diamati dengan cermat oleh segenap masyarakat dan kita tidak lagi boleh berada dalam kelompok sempadan palsu politik dengan keangkuhan rasa kerabat bangsa Melayu semata-mata.

"Survival Melayu dapat diperkuatkan lagi apabila jiwa besar Melayu dapat bersatu dengan kuasa minda bangsa bukan Melayu yang beragama Islam yang berjiran dengan rantau Melayu," tegasnya.

Headline **Memperkasakan masa depan Mabbim-Mastera**
Date **01. May 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr. Nor Faridah Abdul Manaf pula berpendapat, era globalisasi jika tidak ditanggapi dengan bersungguh-sungguh akan memberi impak yang sangat besar kepada bahasa dan sastera setempat (bahasa Melayu).

Hasilnya beliau mendapati globalisasi dan kemaraan bahasa dan sastera Inggeris yang jika tidak diurus secara betul dan baik akan melenyapkan bahasa tempatan secara sistematis.

"Perlu sastera itu bukan hanya dalam buku. Untuk dekat dengan generasi muda terutamanya, medium filem, teater, kemahiran komputer, produksi video perlu digunakan bagi mengangkat dan mengagumi sastera.

Di sisi lain, wakil Dewan Bahasa dan Pustaka ke seminar tersebut, Zalila Sharif mengakui secara umumnya usaha memperkasakan sastera kebangsaan pasti ada tantangan dari pihak tertentu.

"Dalam konteks Malaysia, ada kajian dibuat membuktikan yang konsep sastera kebangsaan itu tidak diterima oleh semua kaum di Malaysia. Ada golongan yang berusaha supaya sastera sukuan yang diterjemahkan ke bahasa Melayu diterima sebagai sastera kebangsaan.

"Apa pun konsep sastera kebangsaan masih dipertahankan. Sastera sukuan diterima sebagai hasil sastera masyarakat yang bersifat majmuk," jelasnya.

Sebenarnya seminar Mabbim-Mastera tersebut mempunyai makna yang cukup besar. Ia bukan sekadar resolusi dan kesimpulan yang dicapai tetapi mencari arah tuju kedua-dua majlis itu untuk memperkasakan bahasa serta sastera Melayu.

Seperti yang dijelaskan oleh Abdullah Hassan dan Hassan Ahmad, kedua-dua majlis bahasa serta sastera itu perlu berfungsi seiring dengan perubahan masa yang memperlakukan situasi yang lebih rencam.

Sementara itu, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menerima Anugerah Khas Mabbim manakala Anugerah Tokoh Ilmu Mabbim (Malaysia) diberikan kepada Prof Dr. Shaharin Mohamad Zain (Universiti Malaysia Terengganu), Prof Datuk Dr. Abdul Razak Salleh Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Prof Dr. Md Nordin Lajis (Universiti Putra Malaysia).

Penerima Anugerah Mastera dari Malaysia pula ialah Siti Jasmina Ibrahim (Sasterawan Kreatif Terbaik Negara Malaysia) manakala Indonesia diraih oleh Ayu Utami dan Awang Suip Abdul Wahab dari Brunei.



SITI Jasmina Ibrahim bersama anugerah yang diterima pada majlis tersebut.